

Pekerja stesen telekomunikasi terperangkap tanah runtu

BH ONLINE | Ahad, 10 November 2019 | 12:11pm



KERJA-KERJA mengalihkan tanah runtu sedang dilakukan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Majlis Perbandaran Taiping (MPT) di Bukit Larut, Taiping. - Foto Ihsan Bomba

TAIPING: Kejadian tanah runtu menghalang laluan ke sebuah stesen telekomunikasi di Bukit Larut di sini, hari ini.

Kejadian menyebabkan dua pekerja dan dua pengawal keselamatan stesen telekomunikasi berkenaan berkenaan tidak dapat turun akibat laluan terhalang.

Anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) menerima maklumat mengenai kejadian itu pada jam 8.52 pagi tadi mengenai empat mangsa yang mengalami kesukaran untuk turun.

Jurucakap JBPM negeri berkata, susulan maklumat diterima itu sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Taiping ke lokasi kejadian untuk operasi menyelamat.

“Setibanya di lokasi kejadian didapati dua kakitangan telekomunikasi dan dua pengawal keselamatan terperangkap di stesen berkenaan pada ketinggian kira-kira 1,000 meter dari aras laut dan keempat-empatnya dilaporkan selamat.

“Operasi menurunkan mangsa sedang dijalankan dan kerja-kerja mengalihkan tanah runtu sedang dilakukan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Majlis Perbandaran Taiping (MPT),” katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.